

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Teknologi Rekaan Fesyen dan Membuat Pakaian 8863/1 mengandungi dua bahagian. Calon diberi masa 2 ½ jam untuk menjawab kedua – dua bahagian.

Bahagian A merupakan dua puluh soalan pendek. Calon diwajibkan menjawab semua soalan.

Bahagian B mengandungi enam soalan berstruktur. Calon diwajibkan memilih empat soalan.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhan prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperoleh markah maksima bertambah berbanding tahun sebelum ini. Kebolehan calon dalam menyampaikan fakta mengikut kata tugas dan soalan semakin baik. Namun masih terdapat calon yang gagal menyampaikan fakta dengan jelas kerana tidak menguasai konsep dan isi mata pelajaran. Calon juga tidak berkebolehan melukis gambar rajah dengan baik untuk menyokong jawapan.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon berupaya memberi jawapan yang tepat dan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan jelas dan teratur. Lakaran gambar rajah adalah jelas.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Jawapan calon memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Lakaran gambar rajah kurang jelas.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon tidak menjawab semua pecahan soalan dalam bahagian B. Jawapan calon tidak tepat atau menyimpang dari kehendak soalan dan tidak tersusun. Lakaran gambar rajah tidak tepat.

**PRESTASI TERPERINCI****Bahagian A****Soalan 1**

Calon cemerlang dapat mengemukakan jawapan yang tepat dan jelas

- Contoh -
- i menyudahkan garis leher pakaian
  - ii untuk menutup kecacatan pada leher.

Calon mengemukakan dua jawapan yang mempunyai maksud yang sama

- Contoh -       i stail pakaian  
                  ii mengekalkan ciri stail pakaian

## **Soalan 2**

Calon cemerlang memberi jawapan yang tepat dan jelas.

Calon memberi jawapan yang tidak tepat

- Contoh -       i jangan pegang alat elektrik dengan tangan basah  
                  ii jangan masukkan jarum ke dalam mulut

## **Soalan 3**

Calon cemerlang berupaya menjawab dengan tepat, calon sederhana menjawab sebahagian daripada arahan soalan.

Calon mengemukakan dua jawapan yang mempunyai maksud yang sama

- Contoh -       i ringan  
                  ii mudah dibawa ke mana-mana

## **Soalan 4**

Calon cemerlang mengemukakan jawapan yang tepat

- Contoh -       i kukuh  
                  ii tidak renyuk.

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak menguasai fakta di dalam tajuk yang berkenaan.

- Contoh -       i mudah meresap lembapan  
                  ii tidak panas

## **Soalan 5**

Secara umum, majoriti calon tidak dapat menjawab dengan tepat kerana tidak menguasai fakta di dalam tajuk yang berkenaan.

Jawapan calon tidak tepat

- Contoh -       i fabrik terbakar/cair  
                  ii mudah bertahi lalat

Calon mengemukakan dua jawapan yang mempunyai maksud yang sama

- Contoh -       i rosak  
                  ii mengecut

### **Soalan 6**

Ramai calon dapat mengemukakan jawapan yang tepat

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak menguasai tajuk ini.

- Contoh -
- i stail pakaian
  - ii membesarkan lengan
  - iii membuat kedut pada lengan
  - iv menambahkan fabrik pada lengan

### **Soalan 7**

Secara umum, majoriti calon tidak menjawab dengan tepat. Calon tidak memahami istilah kemasan.

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak menguasai tajuk ini.

Contoh - fabrik mudah berjerumbai

Calon sepatutnya menggunakan perkataan kilau dan bukan perkataan kilat.

### **Soalan 8**

Calon menjawab sebahagian daripada arahan soalan.

Calon memberi jawapan mengenai seluar jean

Contoh - seluar jean tahan lasak

### **Soalan 9**

Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini kerana tidak menguasai tajuk yang berkaitan.

Jawapan calon tidak tepat

- Contoh -
- i kelepet sama lebar
  - ii kelepet gulung
  - iii kelepet biasa

### **Soalan 10**

Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan tepat kerana tidak menguasai tajuk ini.

Jawapan calon tidak tepat

- Contoh -
- i tampal flannel
  - ii jerumat serong
  - iii jerumat tulang ikan

### **Soalan 11**

Tiada calon yang memberi jawapan yang tepat kerana tidak memahami kehendak soalan. Calon menerangkan langkah menggunting jalur serong tepat.

### **Soalan 12**

Calon cemerlang hanya berjaya menjawab sebahagian daripada kehendak soalan.

Calon tidak memahami arahan soalan. Calon sepatutnya menerangkan ciri lisu terbalik tetapi jawapan calon menumpukan kepada ciri mata jahitan

Contoh -       i mata jahitan kukuh  
                  ii mata jahitan lurus / kemas

### **Soalan 13**

Calon hanya berjaya menjawab sebahagian daripada kehendak soalan.

Calon tidak memahami arahan soalan dan memberi jawapan mengenai ciri renda yang elok.

Contoh -       i sulaman kukuh  
                  ii tidak berjerumbai

Majoriti calon memahami arahan soalan dan berjaya memberi jawapan yang tepat.

Contoh -       i mengisi barang  
                  ii sebagai perhiasan

### **Soalan 15**

Majoriti calon memahami arahan soalan dan berjaya memberi jawapan yang tepat.

Label (i) dinamakan sebagai garis bahu  
Label (ii) dinamakan sebagai lisu  
Label (iii) dinamakan sebagai garis pepaduan

Calon keliru di antara lisu pepaduan dan lisu

### **Soalan 16**

Majoriti calon tidak menjawab dengan tepat kerana tidak memahami arahan soalan.

Calon menerangkan langkah urutan menyediakan kedut lepas.

### **Soalan 17**

Ramai calon yang berjaya memberi jawapan yang tepat

Contoh -gentian bulu biri –biri

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak memahami arahan soalan. Calon memberi jawapan mengenai klasifikasi gentian. Contoh -gentian asli

### **Soalan 18**

Majoriti calon berjaya memberi tiga jawapan yang munasabah.

Jawapan calon tidak menepati arahan soalan

Contoh - diikat pada kepala

### **Soalan 19**

Majoriti calon berjaya menjawab sebahagian daripada kehendak soalan.

Contoh - i memberi bentuk  
ii untuk pengukuhan

Jawapan tidak tepat kerana calon keliru di antara lapik dalam dan lapik.

### **Soalan 20**

Majoriti calon tidak dapat menjawab dengan tepat kerana tidak boleh mengenalpasti maksud label suhu seterika.

Calon memberi contoh fabrik yang memerlukan suhu seterika sederhana panas / panas

Contoh - i voil  
ii kapas

## **Bahagian B**

### **Soalan 1**

Calon cemerlang berjaya mengemukakan jawapan mengikut langkah urutan yang betul. Calon ini juga berkebolehan melakar gambar rajah dengan jelas.

Walau bagaimanapun terdapat calon yang tidak memberi jawapan mengikut langkah urutan yang betul. Calon ini tidak berkebolehan melakar gambar rajah. Gambar rajah calon tidak jelas, terlalu kecil dan tidak dilabelkan dengan lengkap. Segelintir calon tidak memahami kehendak soalan. Calon ini telah menerangkan kaedah menjahit kelim belah kangkung atau kelim betawi.

Calon tidak mengenali fabrik denim. Untuk soalan (c) contoh pakaian yang diberi oleh calon adalah seperti pijama, kain pelekat, pakaian malam.

Fakta yang diberi oleh calon tidak tepat

Contoh - i. lebar basi kelim yang ditrim tidak tepat. Calon keliru di antara kelim papan mesin dan kelim papan tangan  
ii. calon menggunakan istilah seperti basi atas, basi bawah. Untuk kelim papan mesin, istilah yang tepat ialah basi kelim hadapan, basi kelim belakang

## Soalan 2

Calon cemerlang berkebolehan menghasilkan lakaran susun atur pola yang lengkap dan tepat.

Calon tidak memahami kata tugas soalan. Ini menyebabkan jawapan calon untuk 2(b) tidak lengkap, ia itu tidak ada sokongan pada fakta yang diberikan.

Calon tidak memahami kehendak soalan 2(c). Jawapan yang diberi oleh calon adalah mengenai peraturan menyusun atur pola atau menyediakan fabrik.

Lakaran calon tidak tepat

- Contoh -
- i. lakaran menunjukkan susun atur pola pada selapis fabrik atau tidak ada petunjuk fabrik dilipat
  - ii. pola yang menunjukkan tanda lipatan tidak diletak tepat pada tepi lipatan fabrik
  - iii. fabrik dilipat mengikut benang pakan
  - iv. kepingan pola tidak disusun sehala atau tidak pada ira yang betul

## Soalan 3

Calon tidak memahami kehendak soalan 3(a). Calon telah menerangkan kaedah mencantumkan lapik berbentuk ke garis leher. Calon tidak berkebolehan untuk menerangkan langkah kerja mengikut urutan yang betul. Calon hanya menjawab sebahagian daripada pecahan soalan.

Calon berjaya memberi tiga jawapan yang tepat untuk soalan 3 (b) dan (c).

Calon memberi fakta yang salah.

Contoh - jahit sembat untuk menetapkan lapik berbentuk

## Soalan 4

Ramai calon tidak berkebolehan untuk menjawab soalan 4 (a) dengan baik. Calon tidak menerangkan langkah kerja mengikut urutan yang betul. Gambar rajah calon kurang jelas dan tidak dilabelkan dengan lengkap.

Calon berkebolehan untuk menjawab soalan 4 (b) dan (c) dengan betul.

Terdapat calon yang hanya menjawab sebahagian daripada pecahan soalan.

Calon tidak menerangkan langkah menyediakan penyokong tali pinggang, calon hanya memulakan jawapan dengan langkah mencantumkan penyokong tali pinggang yang telah disediakan pada pakaian. Jawapan sebenar bermula dengan langkah menyediakan penyokong tali pinggang. Calon melukis bentuk penyokong tali pinggang yang sama seperti dalam rajah

Calon melukis bentuk penyokong tali pinggang yang tidak munasabah.

## Soalan 5

Majoriti calon berjaya melakar stail bahu mendatang serta hiasan dengan jelas dan tepat.

Walaupun bagaimanapun terdapat jawapan calon yang kurang tepat kerana calon tidak memahami arahan soalan. Lakaran tidak merujuk pada stail blaus dalam rajah atau lakaran blaus tidak mempunyai belah pada bahagian hadapan.

Terdapat segelintir calon yang tidak memahami kehendak soalan 5 (c). Calon memberi jawapan mengenai ciri kolar.

Lakaran calon tidak tepat

- Contoh -
- i lakaran bahu mendatang terletak pada garisan empire
  - ii lakaran menunjukkan garis puteri
  - iii lakaran hiasan pada kolar atau hujung blaus
  - iv calon hanya melakarkan bentuk hiasan dan menamakannya

## Soalan 6

Majoriti calon tidak dapat menjawab soalan 6(a) dengan tepat. Calon tidak berkebolehan untuk menerangkan langkah mendraf kolar mengikut urutan yang betul.

Calon berjaya memberi jawapan yang tepat untuk soalan 6 (b) dan (c)

Terdapat segelintir calon yang tidak melakar kolar dengan tepat untuk soalan 6 (c) atau hanya menjawab sebahagian daripada pecahan soalan.

Jawapan calon tidak tepat.

- Contoh -
- i. untuk soalan 6(a) calon tidak memulakan jawapan dengan langkah menyurih atau menangkap pola asas badan
  - ii. calon menerangkan kaedah mendraf pola kolar tegak
  - iii. calon memberi jawapan seperti kolar lurus, kolar shawl untuk soalan 6 (c)

## SARANAN KEPADA CALON

1. Perbanyakkan latihan melukis gambar rajah supaya dapat menghasilkan gambar rajah yang jelas dan terang. Pastikan gambar rajah dilabelkan dengan lengkap.
2. Perbanyakkan latihan menjawab soalan tahun lepas. Kenalpasti dan faham kata tugas dan arahan soalan.
3. Gunakan istilah yang betul dan tepat.
4. Calon perlu rajin membuat rujukan daripada buku, majalah dan bahan bacaan yang lain

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Perbanyakkan latih tubi dan latihan menjawab soalan tahun lepas.
2. Latih calon melukis gambar rajah dengan jelas dan tepat serta melabelkannya dengan lengkap.
3. Gunakan istilah yang betul dalam pengajaran.
4. Pastikan semua tajuk dalam sukatan pelajaran diajar. Sukatan pelajaran perlu dihabiskan awal supaya calon dapat membuat latihan intensif.